

MTUC gesa majikan pertingkat kualiti tenaga mahir

22 SEP 2002

PETALING JAYA: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa majikan supaya mengambil kesempatan daripada usaha agresif kerajaan untuk meningkatkan kualiti tenaga mahir negara.

Presidennya, Senator Zainal Rampak (**gambar**) berkata dengan peruntukan RM1.62 bilion yang disediakan dalam Bajet 2003, pihak majikan tidak boleh lagi memberi alasan ketiadaan dana melatih semula pekerja tempatan.

“Dengan adanya peruntukan yang begitu besar, kementerian harus menyediakan pelan tindakan, pelan latihan yang begitu agresif dan pihak majikan **harus** mengambil **kesempatan ini**,” katanya selepas merasmikan mesyuarat tahunan ke-11 Kesatuan Pekerja-pekerja Airod di Subang dekat sini, **semalam**.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2003 di Dewan Rakyat **semalam**, mengumumkan peruntukan **Rh41.62** bilion untuk usaha menambah bilangan dan kualiti tenaga mahir.

Kementerian Sumber Manusia **mendapat** peruntukan **RM621 juta** bagi melaksana dan mengurus 29 projek Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kemahiran dengan kapasiti seramai 18,200 pelatih.

Zainal berkata pihak kesatuan berminat melihat peruntukan kepada Kementerian Sumber Manusia itu digunakan dalam masa setahun untuk melatih pekerja.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia mempunyai masa selama **empat** bulan mulai **semalam** untuk membuat perancangan bagaimana **wang** tersebut akan **dibelanjakan**.

Dengan adanya peruntukan yang besar itu, katanya, MTUC tidak mahu mendengar lagi **kerenah** majikan kononnya tidak wujudnya peruntukan untuk melatih semula nekeria.